

02/06/1998

SUS latih siswazah mengurus perniagaan

Tamrin Anuar

SEBANYAK 36 syarikat termasuk Gedung Perniagaan Harrods, London bersetuju melatih siswazah yang cenderung menceburi bidang perniagaan melalui Skim Usahawan Siswazah (SUS) secara berperingkat, mulai tahun ini.

Pada peringkat pertama, 52 siswazah akan diambil menjalani latihan sambil kerja di beberapa syarikat tempatan.

Mereka adalah 29 daripada fasa pertama dan 23 yang akan menamatkan latihan bagi fasa kedua dan jumlah itu akan ditingkat sehingga 1,000 peserta sepanjang program ini.

Gedung Perniagaan Harrods, milik jutawan Mohamed al-Fayed menawarkan 15 tempat termasuk empat daripadanya siswazah yang menyertai SUS bagi menjalani latihan dalam pengurusan perniagaan selama enam bulan bermula akhir Jun ini.

Dua daripada mereka yang terpilih dalam fasa pertama itu ialah Ahmad Ambar Abd Hamid dan Siti Nuraini Noor Anuar.

Menteri Pembangunan Usahawanan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata 14 syarikat telah menandatangani memorandum pefahaman (MaU) dengan Kementerian Pembangunan Usahawanan bagi tujuan berkenaan, manakala bakinya akan berbuat demikian secara berperingkat.

Katanya, satu dana berjumlah RM10 juta diwujudkan dan diurus oleh Bank Pembangunan Malaysia Bhd bagi membiayai projek perniagaan yang akan dijalankan oleh peserta apabila tamat latihan kelak.

"SUS bertujuan mendedahkan siswazah cara memulakan dan mengurus perniagaan, selain berdamping rapat dengan usahawan berjaya, sekali gus membantu kerajaan mencapai hasrat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera."

"Sejak skim ini dibuka April lalu, sebanyak 1,000 permohonan diterima, dan daripada jumlah itu 331 telah dipanggil untuk menjalani sesi temu duga bagi memilih peserta yang layak menyertai skim berkenaan," katanya dalam sidang akhbar, selepas melancarkan Skim Usahawanan Siswazah, di Pusat Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi Mardi, Serdang, semalam.

Dalam majlis yang sama beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pefahaman (MoU) dengan 14 syarikat yang bersetuju melatih peserta SUS.

Antara syarikat berkenaan ialah Golden Hope Plantation Sdn Bhd, Kumpulan Guthrie Bhd, Friends Advertising & Communication Sdn Bhd, Sistem penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysian National Insurance Bhd.

Mustapa berkata, skim ini adalah kesinambungan kepada program keusahawanan yang dilaksanakan tahun lalu yang membabitkan beberapa buah universiti dan syarikat tempatan.

Menurut Mustapa, berkata idea menghantar peserta dalam SUS ke Harrods adalah hasil perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dengan Mohamed Al-Fayed semasa mengadakan latawan ke negara ini baru-baru ini.

(END)